

PENTING: SILA BACA LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK INI SEBELUM ANDA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENGAMBIL KAD DEBIT-i BANK ISLAM VISA SAPPHIRE. SILA PASTIKAN ANDA JUGA MEMBACA TERMA DAN SYARAT UMUM.

**KAD DEBIT-i BANK ISLAM
VISA SAPPHIRE
Date: 10 Ogos 2023**

1. Apakah Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire?

Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire adalah merupakan salah satu kaedah pembayaran yang membolehkan anda menggunakan perkhidmatan Bank Islam dan membuat transaksi pembayaran secara terus dari akaun anda di Bank Islam ke premis rangkaian-rangkaian perniagaan dan perkhidmatan yang mengambil bahagian Anda perlu mempunyai akaun di Bank Islam agar ia dapat dihubungkan dengan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire anda. Jika akaun tersebut ditutup, perkhidmatan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire anda akan terbatal secara automatik.

Pelanggan akaun individu berikut layak memohon Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire:

- ✓ Mengekalkan baki minimum Akaun Pelaburan dan Akaun Simpanan (melainkan Akaun berdasarkan Qard) sebanyak RM200,000 dan lebih; ATAU
- ✓ Mengekalkan baki Unit Amanah sebanyak RM 200,000 dan lebih; ATAU
- ✓ Pembiayaan Perumahan lebih daripada RM1.0 juta dan mengekalkan baki minimum Akaun Pelaburan/Simpanan (melainkan Akaun berdasarkan Qard) sebanyak RM50,000; ATAU
- ✓ Pembiayaan Peribadi lebih daripada RM200,000 dan mengekalkan baki minimum Akaun Pelaburan/Simpanan (melainkan Akaun berdasarkan Qard) sebanyak RM50,000.

Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire adalah berdasarkan Konsep Ujrah iaitu suatu pembayaran dibuat oleh satu pihak di atas penggunaan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak satu lagi. Ujrah berlaku apabila Pemegang Kad bersetuju dan membayar fi-fi atau caj-caj yang dikenakan oleh Bank Islam ke atas penggunaan perkhidmatan yang disediakan menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire.

2. Apakah Fi dan Caj yang perlu saya bayar?

| | |
|---|--|
| Pengeluaran Kad | RM10.00 |
| Yuran Tahunan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Dikecualikan <p><i>Nota: Yuran tahunan RM10.00 akan dikenakan ke atas pembaharuan kad jika pelanggan tidak memenuhi kriteria kelayakan</i></p> |
| Pengeluaran Wang Tunai di ATM Bank Islam | Percuma |
| Pengeluaran Wang Tunai di ATM melalui MEPS | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bank Tempatan – RM1.00 setiap pengeluaran ▪ Bank Asing – RM4.00 setiap pengeluaran |
| Pengeluaran Wang Tunai di mana-mana ATM melalui VISA Plus | RM10.00 setiap pengeluaran |
| Yuran Transaksi Pengeluaran Tunai MyDebit melalui Terminal Tempat Jualan (POS) | RM10.00 setiap transaksi |
| Fi atas kadar tukaran wang asing bagi transaksi luar negara | Tertakluk kepada kadar tukaran matawang asing yang ditentukan oleh pihak VISA pada ketika itu |
| Fi penggantian Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire disebabkan oleh kehilangan kecuarian atau kerosakan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Dikecualikan <p><i>Nota: Sekiranya pelanggan tidak memenuhi syarat kelayakan, pelanggan akan ditawarkan dengan pilihan Kad Debit-i yang lain. Justeru, fi pengeluaran kad akan dikenakan. Sila rujuk Lembaran Maklumat Produk Kad Debit-i Bank Islam atau layari laman sesawang www.bankislam.com</i></p> |
| Fi permintaan Salinan draf jualan | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Asal – RM15.00 setiap slip ▪ Salinan – RM5.00 setiap slip |
| Pertanyaan baki di ATM Bank Islam melalui MEPS | Percuma |
| Transaksi Tabung Haji di ATM Bank Islam | <ul style="list-style-type: none"> ▪ RM1.00 setiap transaksi pengeluaran want tunai ▪ RM1.00 setiap transaksi simpanan wang tunai |

| | |
|--------------------------------|---|
| Transaksi SSPN-i di Bank Islam | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Percuma bagi setiap transaksi pertanyaan baki ▪ Percuma bagi setiap transaksi deposit ▪ RM0.50 bagi setiap transaksi pindahan baki daripada/ke akaun SSPN-i ▪ RM0.50 bagi setiap pengeluaran daripada akaun SSPN-i |
|--------------------------------|---|

3. Apakah terma dan syarat utama?

▪ Baki Minimum

Anda perlu mengekalkan baki minimum dalam akaun anda untuk tujuan pendebitan Yuran Tahunan. Baki minimum mungkin berbeza mengikut jenis akaun yang dihubungkan dengan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire. Sila rujuk laman web Bank Islam di www.bankislam.com untuk maklumat lanjut mengenai syarat baki minimum dalam akaun masing-masing.

▪ Belian Runcit

Anda boleh menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire untuk melakukan transaksi runcit untuk membeli barangan dan perkhidmatan di lebih 80 juta peniaga di seluruh dunia. Transaksi tersebut tertakluk kepada had harian sebanyak RM3,000. Anda boleh melakukan penyelenggaraan sendiri untuk had pembelian runcit sehingga RM10,000 melalui ATM Bank Islam atau mana-mana saluran lain seperti yang dimaklumkan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi cawangan kami yang terdekat atau hubungi Pusat Perhubungan kami di +603 26 900 900 untuk sebarang permintaan had melebihi RM10,000 tetapi dihadkan pada RM30,000.

▪ Caj Pra-Kebenaran

Caj pra-kebenaran merujuk kepada jumlah pra-kebenaran yang akan didebitkan daripada Akaun apabila Pemegang Kad membuat pembayaran untuk pendaftaran bilik di hotel menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire atau mana-mana transaksi lain yang mungkin memerlukan caj pra-kebenaran. Caj Pra-kebenaran adalah bertujuan untuk kelulusan transaksi sahaja. Jumlah pra-kebenaran akan dikeluarkan apabila jumlah transaksi sebenar didebitkan daripada Akaun.

| Jenis Transaksi | Jumlah Caj |
|-----------------|---|
| Hotel | <p>Daftar Masuk Caj pra-kebenaran boleh dikenakan atas pilihan pihak pengurusan hotel ke atas penggunaan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire oleh Pemegang Kad.</p> <p>Daftar Keluar Jika dikenakan oleh pihak pengurusan hotel, caj pra-kebenaran akan ditahan sementara daripada Akaun Pemegang Kad. Dalam tempoh 3 hari bekerja selepas tarikh daftar keluar, Bank Islam akan mengeluarkan jumlah pra-kebenaran yang ditahan.</p> |
| Petrol | Caj pra-kebenaran sebanyak RM200 akan ditahan sementara daripada Akaun anda. Setelah selesai transaksi pembelian petrol, Bank Islam akan mengeluarkan jumlah RM200 yang ditahan dengan serta-merta dan selepas itu menolak jumlah sebenar untuk pembelian petrol daripada Akaun anda. |

Nota: Seseengah Peniaga Sah boleh mengenakan caj pra-kebenaran ke atas penggunaan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire oleh Pemegang Kad untuk memastikan Pemegang Kad mempunyai dana yang mencukupi dalam akaun. Pemegang Kad dinasihatkan untuk menyemak dengan Peniaga Sah mengenai jumlah yang akan ditahan dan bila jumlah itu akan dikeluarkan sebelum melakukan sebarang transaksi.

▪ Transaksi Tanpa Sentuh (payWave)

Fungsi "gelombang" Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire (urus niaga tanpa PIN/tandatangan diperlukan) boleh digunakan oleh peniaga yang mengambil bahagian pada terminal penerimaan "gelombang" sehingga maksimum RM250 setiap transaksi atau RM2,000 sehari. Sebarang pembelian melebihi RM250 setiap transaksi memerlukan anda memasukkan PIN 6 digit. Anda boleh menghentikan atau membolehkan fungsi tanpa sentuh dan menguruskan had transaksi tanpa sentuh terkumpul harian anda melalui ATM Bank Islam atau mana-mana saluran lain seperti yang dimaklumkan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami atau hubungi Pusat Perhubungan kami di +603 26 900 900.

▪ Pengeluaran Tunai

Anda boleh melakukan transaksi pengeluaran tunai di cawangan tunai Bank dan di mana-mana cawangan tunai yang dibenarkan (iaitu Bank, ATM atau saluran yang dibenarkan untuk menerima VISA PLUS, kad MyDebit atau mana-mana pemilik jenama lain yang Bank Islam adalah bank ahli untuk pengeluaran tunai.) memaparkan logo VISA PLUS, logo MyDebit dan logo MEPS sehingga maksimum RM5,000 sehari.

Anda juga boleh melakukan transaksi pengeluaran tunai melalui Terminal Tempat Jualan (POS) di mana-mana Peniaga Sah yang menerima MyDebit sebagai salah satu cara pembayaran di kaunter. Pengeluaran tunai di terminal POS boleh dibuat sehingga RM500.00 setiap transaksi dan tertakluk kepada had harian RM2,000 dengan syarat pembelian runcit hendaklah dibuat menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire (jumlah pembelian runcit minimum tertakluk kepada budi bicara Peniaga Sah). Maklumat lanjut dan senarai Peniaga Sah dinyatakan dalam laman web Bank Islam di www.bankislam.com.

▪ Transaksi Luar Negara dan Transaksi Tanpa Kad ("Card-Not-Present" - CNP)

Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire sedang dilengkapi dengan ciri keselamatan yang tinggi melalui aplikasi '3D Secured' yang memerlukan pengesahan 'One-Time-Password' (OTP) untuk kemudahan anda melakukan transaksi runcit di luar negara dan/atau transaksi tanpa kad (CNP). Transaksi CNP hendaklah termasuk Pesanan Telefon Pesanan Mel (MOTO), debit terus dan transaksi e-dagang. Walau bagaimanapun, terdapat peniaga tertentu di luar negara dan transaksi CNP yang tidak dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Jika anda melakukan transaksi di luar negara dan/atau transaksi CNP yang TIDAK menggunakan/memintas proses permohonan '3D Secured', risiko yang berkaitan adalah seperti berikut:

- Maklumat Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire anda mungkin dicuri dan/atau disalahgunakan oleh orang lain;

- ii. Maklumat Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire yang dicuri mungkin digunakan untuk melakukan siri transaksi yang tidak dibenarkan;
- iii. Transaksi tanpa kebenaran boleh menjejaskan keupayaan anda untuk menggunakan had ambang anda sehingga penyiasatan selesai.

Anda dikehendaki membuat keputusan sama ada untuk bersetuju dan mengambil bahagian dalam transaksi luar negara dan transaksi CNP atau tidak semasa pengeluaran Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire.

Jika anda telah bersetuju untuk mengambil bahagian sebelum ini (atau sebaliknya) dan ingin mengubah keputusan anda, anda boleh membolehkan atau menghentikannya melalui ATM Bank Islam atau mana-mana saluran lain seperti yang dimaklumkan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami atau hubungi Pusat Perhubungan kami di +603 26 900 900.

Nota: VISA payWave ialah pembayaran tanpa sentuh menggunakan platform VISA payWave untuk sebarang pembelian runcit di mana-mana kedai runcit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian. Kad Debit-i Visa Sapphire Bank Islam dengan fungsi VISA payWave akan membawa logo Tanpa Sentuhan.

4. Apakah tanggungjawab saya?

Sebagai Pemegang Kad, anda mestilah:

- (a) Mematuhi terma dan syarat-syarat bagi penggunaan Kad Debit-i Bank Islam;
- (b) Mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menjaga Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire dan memastikan PIN anda selamat sepanjang masa, termasuk di kediaman anda, Ini adaah termasuk untuk tidak:
 - i. mendedahkan butir-butir Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire atau PIN kepada orang lain;
 - ii. menulis / merekodkan PIN Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire, atau menyimpannya di kawasan berdekatan dengan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire;
 - iii. menggunakan tarikh lahir anda, nombor kad pengenalan, passport, lesen memandu atau nombor telefon anda sebagai PIN;
 - iv. membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire dan PIN anda; dan
 - v. meninggalkan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire atau apa sahaja yang mengandungi Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire dalam keadaan tanpa pengawasan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diambil oleh orang lain.
- (c) Memaklumkan kepada Bank sebaik sahaja selepas mengetahui Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire telah hilang, dicuri, urus niaga tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN mungkin telah terjejas;
- (d) Memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta apabila menerima mesej pesanan ringkas (SMS) mengenai transaksi tanpa kebenaran telah berlaku;
- (e) Memaklumkan kepada Bank dengan dengan serta-merta mengenai sebarang pertukaran nombor telefon;
- (f) Menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire dengan bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan
- (g) Menyemak penyata akaun anda serta meaporkan sebarang percanggahan dengan serta-merta.

5. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- (a) Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN jika anda telah:
 - i. bertindak melakukan penipuan;
 - ii. lewat memaklumkan pihak Bank sebaik sahaja selepas mendapati kehilangan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire atau adanya penggunaan kad tanpa kebenaran;
 - iii. mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela; atau
 - iv. menulis / merekodkan PIN Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire anda, atau apa-apa sahaja yang disimpan di kawasan berdekatan dengan kad.
- (b) Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuh jika anda telah:
 - i. bertindak melakukan penipuan;
 - ii. lewat memaklumkan pihak Bank sebaik sahaja selepas mendapati kehilangan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire atau adanya penggunaan kad tanpa kebenaran;
 - iii. meninggalkan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire anda atau apa sahaja yang mengandungi kad anda dalam keadaan tanpa pengawasan ditempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diambil oleh orang lain; atau
 - iv. membenarkan oang lain menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire anda secara sukarela.

| | |
|--|--|
| 6. Apakah risiko-risiko utama? | |
| Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire anda mungkin hilang, dicuri atau disalahgunakan. Sila hubungi Bank dengan SERTA-MERTA di +603 26 900 900 atau melalui mana-mana saluran lain seperti yang dinyatakan di laman web Bank Islam www.bankislam.com dari semasa ke semasa selepas mendapati Kad Debit-i Bank Islam Visa Sapphire anda hilang atau dicuri. | |
| 7. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat saya? | |
| Adalah sangat penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak Bank sebarang perubahan maklumat bagi memastikan semua urusan surat-menyurat dan mesej pesanan ringkas (SMS) mengenai transaksi tanpa kebenaran sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh hubungi Pusat Panggilan kami di +603 26 900 900 atau mengemaskini maklumat anda di mana-mana cawangan yang berhampiran. | |
| 8. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut? | |
| <p>Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, anda boleh sama ada menghubungi:</p> <p>Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 17, Menara Bank Islam No 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03 2690 0900 Faks: 03 2782 1337 Emel: customercare@bankislam.com.my</p> | <p>Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNM TELELINK di:</p> <p>(a) Melalui telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (b) Melalui faks : 03 2174 1515 Melalui emel : bnmtelelink@bnm.gov.my (c) Melalui surat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 50929 Kuala Lumpur</p> |
| 9. Pakej lain kad debit? | |
| Sila rujuk Lembaran Maklumat Produk Kad Debit-i Bank Islam bagi pakej lain Kad Debit-i. | |

Nota:

- Maklumat yang terkandung di sini adalah tepat pada masa penerbitan dan tertakluk kepada perubahan mengikut kaedah, peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.
- Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah mulai 10 Ogos 2023.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....
 Nama:
 No. Kad Pengenalan:
 Tarikh: